

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/03/16_05 (HQ)

TNB–TM PERLUAS TENAGA HIJAU DAN INFRASTRUKTUR DIGITAL DEMI MANFAAT PELANGGAN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan **Telekom Malaysia (TM)** mengumumkan satu kerjasama strategik bagi memperkukuh kerjasama dalam solusi tenaga hijau serta membangunkan infrastruktur tenaga dan telekomunikasi yang lebih pintar, mampan dan saling berhubung di seluruh negara.

Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan pada 9 Mac, bertujuan menggabungkan kepakaran tenaga hijau dan digital kedua-dua syarikat, selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) serta agenda transformasi digital negara. Kerjasama ini memfokuskan penyelesaian tenaga mampan, teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) bagi manfaat langsung pelanggan.

Kerjasama TNB–TM Perluas Solar, EV dan Penyelesaian Digital Bersepadu

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad berkata, “Sebagai pelaksanaan awal kerjasama ini, kami menilai potensi pemasangan sistem solar di sehingga 150 premis TM selain menyasarkan peluasan pemasangan kepada lebih banyak kediaman Unifi Home pelanggan setiap tahun. Melalui GSPARX, pakej sistem solar akan terus ditambah baik agar memberi nilai tambah kepada pengguna. Selain itu, peningkatan rangkaian stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) turut dirangka dalam pelaksanaan kerjasama ini.

“Dengan pertambahan stesen pengecasan, pengguna EV mempunyai lebih banyak lokasi untuk mengecas, sekali gus memberikan kemudahan dan pengalaman penggunaan yang lebih baik. TNB juga komited menyokong NETR bagi mempertingkatkan penggunaan tenaga boleh baharu serta memperkukuh agenda peralihan negara ke arah pelepasan sifar bersih menjelang 2050,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan TM, Amar Huzaimi Md Deris berkata, “TM dan TNB mewakili dua tonggak utama infrastruktur kritikal Malaysia, dan kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama kami untuk memperkukuh ekosistem tenaga dan digital negara secara mampan serta bersedia untuk masa hadapan. Dengan menggabungkan kepimpinan TNB dalam tenaga boleh diperbaharui bersama kekuatan TM dalam infrastruktur digital seluruh negara, kesalinghubungan dan keupayaan kecerdasan buatan (AI), saya yakin kerjasama ini akan mewujudkan nilai kepada kedua-dua organisasi.”

“Selaras dengan aspirasi Digital Powerhouse 2030, kerjasama ini mencerminkan usaha TM dalam memperkasa transformasi digital merentasi sektor-sektor utama negara,” tambah Amar.

Kerjasama TNB dan TM Memfokuskan kepada Tiga Bidang Utama:

- **Penyelesaian Tenaga Lestari:** TNB melalui solusi GSPARX dan TNB Electron, bersama TM akan melaksanakan inisiatif berkaitan tenaga hijau seperti pemasangan solar di bangunan, penyelesaian solar secara pakej serta perluasan rangkaian pengecas EV. Dengan memanfaatkan teknologi digital, usaha ini dapat membantu mengurus penggunaan tenaga dengan lebih cekap serta menggalakkan penggunaan tenaga hijau.
- **Memperkasa Teknologi Digital:** TM dan TNB akan meneroka kerjasama dalam bidang teknologi digital dan inovasi sebagai sebahagian daripada usaha bersama memperkukuh keupayaan digital organisasi. Inisiatif ini dijangka menyokong peningkatan kecekapan operasi, pengalaman pelanggan serta pembangunan ekosistem digital yang lebih mampan.
- **Penyumberan ICT Secara Strategik:** Kedua-dua syarikat akan menilai kaedah penyumberan perkhidmatan sedia ada secara lebih tersusun serta penjajaran harga yang lebih kompetitif. Inisiatif ini bertujuan memastikan rantai bekalan yang lebih kukuh, penjimatan kos dan ketersediaan digital yang lebih mampan untuk jangka panjang.

Manfaat Langsung kepada Pelanggan

Di bawah kerjasama ini, pelanggan berpotensi mengurangkan kos operasi, menikmati kemudahan pengecasan EV di lokasi terpilih, serta memanfaatkan sistem digital pintar dan analitik berasaskan AI untuk memantau penggunaan tenaga, mengesan gangguan lebih awal dan mempercepat pemulihan bekalan sekali gus meningkatkan pengalaman pelanggan secara keseluruhan.

Hubungan antara TNB dan TM telah lama terjalin, termasuk sokongan rangkaian komunikasi ke pencawang utama, perkhidmatan SMS dan pusat panggilan awan (*cloud*), serta kerjasama dalam program tenaga hijau.

Sehingga 31 Disember 2025, GSPARX, yang secara rasmi ditubuhkan pada Januari 2018, telah berjaya memperoleh lebih daripada 530MW projek solar bumbung, menyokong penggunaan tenaga boleh baharu di lebih 3,000 kediaman dan premis komersial. Selain itu, TNB telah memasang sekitar 256 stesen pengecasan EV di seluruh negara di bawah jenama TNB Electron, menyediakan fasiliti grid serta sokongan elektrik bagi operasi pengecasan, sekali gus memperkukuh komitmen syarikat dalam menyediakan penyelesaian tenaga hijau dan bersepadu kepada pelanggan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Mac 2026 jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

TNB

Hanim Idris 019-2617617

/ Grace Tan 016-6626229 / Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami di: media@tnb.com.my

TM

Sharmila Theenathayalu 012-3010245

sharmila.theenathayalu@tm.com.my /

Muhammad Hilmy Sulaiman 013-3416543

hilmy.sulaiman@tm.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Mengenai Telekom Malaysia (TM)

TM merupakan peneraju kumpulan teknologi digital dan telekomunikasi bersepadu di Malaysia, yang menyediakan infrastruktur rangkaian serta rangkaian perkhidmatan komunikasi yang menyeluruh. Perkhidmatan ini merangkumi penyelesaian pendigitalan perusahaan, talian tetap (telefon dan jalur lebar), mudah alih, kandungan, WiFi, ICT, Awan dan perkhidmatan pintar. Dengan tumpuan strategik untuk menjadi Digital Powerhouse menjelang tahun 2030, TM komited untuk terus berkembang melalui penciptaan nilai kepada pihak berkepentingan. Kumpulan ini menekankan pengalaman pelanggan yang lebih baik melalui penambahbaikan berterusan terhadap kualiti perkhidmatan pelanggan dan inovasi, di samping memastikan peningkatan kecekapan operasi dan produktiviti.

Komited kepada masa depan yang mampan serta meningkatkan kesejahteraan sosial, ekonomi dan alam sekitar di kalangan masyarakat, TM telah menetapkan sasaran kemampanan yang tinggi bagi memantau prestasinya dalam jangka masa pendek dan panjang. Berteraskan tadbir urus korporat yang kukuh, TM memastikan tahap tertinggi dalam etika, integriti dan ketelusan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.tm.com.my



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (tiga dari kanan), dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Amar Huzaimi Md Deris (tiga dari kiri), bertukar dokumen MoU dalam Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Leo Moggie TNB, Bangsar, Kuala Lumpur pada 9 Mac 2026. Turut hadir ialah Ketua Pegawai Kanan Strategi, Kawal Selia dan Kelestarian TNB, Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil (dua dari kanan); Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Kamal Arifin A. Rahman (paling kanan); Naib Presiden Eksekutif TM One, Shanti Jusnita Johari (paling kiri); dan Ketua Pegawai Korporat TM, Nor Fadhilah Mohd Ali (dua dari kiri).



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Amar Huzaimi Md Deris